

Register your product and get support at  
[www.philips.com/welcome](http://www.philips.com/welcome)

Straightener

HP8361/00




---

MS-MY Manual pengguna

---

**PHILIPS**



Tahniah atas pembelian anda dan selamat menggunakan Philips! Untuk memanfaatkan sepenuhnya daripada sokongan yang ditawarkan oleh Philips, daftar produk anda di [www.philips.com/welcome](http://www.philips.com/welcome).

## 1 Penting

Baca dan teliti manual pengguna ini sebelum anda menggunakan perkakas dan simpan untuk rujukan masa depan.

- **AMARAN:** Jangan gunakan perkakas ini dekat dengan air.
- Apabila anda menggunakan perkakas ini dalam bilik mandi, cabut plagnya setelah digunakan kerana kehampirannya dengan air juga adalah risiko, walaupun setelah perkakas dimatikan.
- **AMARAN:** Jangan gunakan perkakas ini berhampiran dengan tab mandi, pancur air, sinki atau bekas lain yang mengandungi air.
- **AMARAN:** Untuk memberi prestasi lebih baik untuk anda, pelurus ini mempunyai keupayaan haba melampau. Anda hendaklah lebih berhati-hati semasa menggunakanannya. Anda disyorkan agar memegangnya pada pemegangnya sahaja.
- **AMARAN:** Ketika memanaskan dan menyejukkan pelurus, letakkannya di atas permukaan yang rata, licin dan tahan panas.
- Sebelum anda menyambungkan perkakas ini, pastikan voltan yang dinyatakan pada perkakas selaras dengan voltan kuasa tempatan anda.
- Jangan gunakan perkakas untuk sebarang tujuan lain selain daripada yang diterangkan dalam buku panduan ini.
- Gunakan perkakas hanya pada rambut yang kering. Jangan gunakan perkakas pada rambut palsu.
- Jauhkan permukaan panas perkakas daripada kulit anda.
- Apabila perkakas telah disambungkan kepada kuasa, jangan sekali-kali dibiarkan tanpa diawasi.
- Jangan masukkan sebarang objek ke dalam perkakas.



- Jangan cucuk bukaan alur keluar ion dengan objek logam.
- Cabut plag perkakas setiap kali selepas digunakan.
- Apabila perkakas ini panas, letakkan di atas permukaan yang tahan haba dan jangan sekali-kali tutup perkakas dengan suatu apa pun, seperti tuala atau kain.
- Jangan sekali-kali gunakan sebarang perkakas atau bahagian dari mana-mana pengilang atau yang tidak disyorkan secara khusus oleh Philips. Jika anda menggunakan aksesori atau bahagian yang sedemikian, jaminan anda menjadi tidak sah.
- Jangan lilit kord sesalur mengelilingi perkakas.
- Jika perkakas digunakan pada rambut yang dirawat warna, plat pelurus mungkin menjadi kotor.
- Jika kord sesalur kuasa rosak, ia mesti diganti oleh Philips, pusat servis yang dibenarkan oleh Philips ataupun pihak lain seumpamanya yang layak bagi mengelakkan bahaya.
- Perkakas ini tidak dimaksudkan untuk digunakan oleh orang (termasuk kanak-kanak) yang kurang upaya dari segi fizikal, deria atau mental, atau kurang berpengalaman dan pengetahuan, kecuali mereka telah diberi pengawasan atau arahan berkenaan penggunaan perkakas ini oleh orang yang bertanggungjawab atas keselamatan mereka.
- Kanak-kanak hendaklah diawasi untuk memastikan bahawa mereka tidak bermain dengan perkakas ini.
- Untuk perlindungan tambahan, kami mengesyorkan agar anda memasang peranti arus baki (RCD) dalam litar elektrik yang membekali bilik air tersebut. RCD ini mesti mempunyai arus operasi baki berkadar yang tidak melebihi 30mA. Tanya pemasang anda untuk mendapat nasihat.

---

## Medan elektromagnet (EMF)

Perkakas ini mematuhi semua piawai yang berkaitan dengan medan elektromagnet (EMF). Jika dikendalikan dengan betul dan menurut arahan di dalam manual pengguna ini, perkakas ini selamat untuk digunakan berdasarkan bukti saintifik yang ada pada masa ini.

# Alam sekitar

Jangan buang perkakas ini dengan sampah rumah biasa di akhir hayatnya, sebaliknya bawa ke pusat pungutan rasmii untuk dikitar semula. Dengan melakukan ini, anda membantu memelihara alam sekitar.



## 2 Meluruskan rambut anda

Pastikan anda memilih tetapan suhu yang sesuai bagi rambut anda. Sentiasa pilih tetapan rendah apabila anda menggunakan pelurus buat pertama kali.

Jenis Rambut	Tetapan Suhu
Kasar, keriting, susah untuk diluruskan	Pertengahan hingga Tinggi (170 °C dan ke atas)
Halus, tekstur sederhana atau berombak lembut	Rendah hingga Pertengahan (160 °C dan ke bawah)
Cerah, perang, dilunturi atau dirawat warna	Rendah (Di bawah 160 °C)

- 1 Sambungkan plag kepada soket bekalan kuasa.
- 2 Luncurkan kunci penutup (⑥) untuk membuka kunci perkakas.
- 3 Tekan dan tahan butang Hidup/Mati (④) sehingga skrin paparan menyala.  
↳ Tetapan suhu lalai dipaparkan (⑩).
- 4 Tekan + (②) atau - (③) untuk memilih tetapan suhu yang sesuai dengan rambut anda.  
↳ Setelah plat pelurus memanas sehingga tetapan suhu yang dipilih, penunjuk "READY" yang stabil (⑪) akan dipaparkan.

- 5 Fungsi ion menjadi aktif apabila perkakas dihidupkan, yang memberi sinaran tambahan dan mengurangkan keriting halus.  
↳ Penunjuk ion (⑧) akan dipaparkan.
- 6 Apabila fungsi dihidupkan, kita mungkin akan terhadu bau khas dan terdengar bunyi berdesir, yang memang biasa yang disebabkan oleh ion yang dijanakan.
- 7 Tekan butang SONIC (⑤) untuk menghidup atau mematikan fungsi sonik. Ia menghasilkan pelurusian lebih cepat dan peluncuran sempurna.  
↳ Jika fungsi ini hidup, penunjuk "**SONIC**" (⑨) akan dipaparkan.
- 8 Getaran sonik hanya bermula apabila plat-plat pelurus ditekan bersama. Plat pelurus mengeluarkan bunyi berdetar-detar apabila ia bersentuhan sedikit, yang tidak mempengaruhi prestasi perkakas.
- 9 Sikat rambut anda dan ambil bahagian yang lebarnya tidak lebih daripada 5sm untuk diluruskan.
- 10 Letakkan rambut di antara plat pelurus (①) dan rapatkan kedua-dua pemegang dengan kukuh.
- 11 Luncurkan pelurus sepanjang helaian rambut dalam satu gerakan (maksimum 5 saat) dari akar ke hujung, tanpa berhenti untuk mengelakkan pemanasan melampau.
- 12 Selepas 20 saat, ulangi langkah 8 dan 9 sehingga anda mencapai gaya yang dikehendaki.
- 13 Untuk meluruskan yang selebihnya, ulangi langkah 7 hingga 10.
- 14 Untuk menggayakan semula rambut anda, tekan dan tahan butang — (③) selama 3 saat untuk menghidupkan fungsi kemasan. Fungsi ini memastikan hasil yang betul dengan suhu yang lebih rendah dan lebih perlindungan.  
↳ Apabila fungsi ini dihidupkan, penunjuk "**TOUCH-UP**" (⑫) akan dipaparkan dan penunjuk suhu (⑩) akan hilang.
- 15 Tekan sama ada butang + (②) atau butang — (③) sekali lagi untuk keluar dari fungsi kemasan dan tetapan suhu pelurusian yang sebelumnya akan muncul.

**Nota:** Perkakas ini mempunyai fungsi pematiian automatik. Ia akan mati secara automatik selepas 60 minit.

### **Selepas digunakan:**

- 1** Matikan perkakas dan cabut plagnya.
- 2** Letakkannya di atas permukaan yang tahan panas sehingga ia menyeduh.
- 3** Bersihkan perkakas dan plat pelurus dengan kain lembap.
- 4** Kunci plat pelurus (⑥).
- 5** Simpan di tempat yang selamat dan kering, bebas daripada habuk. Anda boleh juga menggantungkannya dengan gelung gantung (⑦), atau menyimpan di dalam kantung yang dibekalkan.

## **3 Jaminan dan perkhidmatan**

Sekiranya anda memerlukan maklumat mengenai penggantian alat tambahan atau jika anda mempunyai masalah, sila layari laman web Philips di [www.philips.com](http://www.philips.com) atau hubungi Pusat Layanan Pelanggan Philips di negara anda (anda boleh mendapatkan nombor telefonnya di dalam risalah jaminan serata dunia). Jika tiada Pusat Layanan Pelanggan di negara anda, pergi ke penjual Philips tempatan anda.



© Royal Philips Electronics N.V. 2012  
All rights reserved.

Specifications are subject to change without notice.  
Trademarks are the property of Koninklijke Philips  
Electronics N.V. or their respective owners.

3140 035 29701

100% recycled paper  
100% papier recyclé